

07 NOV 1997

Abdullah - Tambak

DR MAHATHIR, CHOK TONG AKAN BINCANG KESESAKAN TAMBAK JOHOR

NIBONG TEBAL, 7 Nov (Bernama) -- Masalah kesesakan di Tambak Johor dijangka menjadi topik utama perbincangan antara perdana menteri Malaysia dan Singapura apabila kedua-dua pemimpin bertemu di Kuala Lumpur awal tahun depan.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong akan membincangkan perkara itu apabila Perdana Menteri Singapura itu melawat Kuala Lumpur dalam suku pertama tahun hadapan.

Kedua-duanya bertemu pada sidang kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh baru-baru ini dan bersetuju untuk membincangkan perkara itu dalam pertemuan berkenaan, katanya.

Tarikh sebenar lawatan Goh itu akan ditetapkan kelak, katanya pada sidang media selepas merasmikan Balai Raya Kampung Besar, Sungai Kecil, dekat sini.

Menurutnya, perkara tersebut merupakan antara beberapa keperluan segera yang perlu diselesaikan antara kedua-dua negara dalam pertemuan antara kedua-dua pemimpin itu kelak.

Berucap di majlis itu, Abdullah meminta segelintir rakyat negara ini agar merenung semula tindak-tanduk mereka yang tidak suka melihat kedamaian dan pembangunan negara ini yang dicapai hasil usaha kerajaan selama ini.

Katanya, semua masyarakat di negara ini saling bantu-membantu dan bekerjasama dalam kerajaan yang ada sekarang untuk memastikan pembangunan berjalan dengan lancar.

Beliau berkata, amalan politik negara yang dilakukan melalui permuafakatan antara pelbagai kaum yang berbeza budaya dan agama itu turut mendapat perhatian negara asing yang mempunyai penduduk berbilang kaum sama seperti di Malaysia.

Kejayaan falsafah atau konsep itu sendiri kini dikaji oleh para penyelidik sains politik univerisiti-universiti dari banyak negara seperti dari Amerika Syarikat dan England, katanya.

Di majlis yang turut disertai Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Dr Goh Cheng Teik itu, Abdullah menyampaikan dividen Koperasi Risda Negeri Pulau Pinang Berhad kepada pemegang sahamnya.-- BERNAMA

AHM oba